

Kemerdekaan tak mungkin kekal kecuali dipertahankan: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat negara ini supaya sentiasa giat berusaha memelihara kedaulatan dan kehormatan kerana kemerdekaan tidak mungkin kekal kecuali dipertahankan.

Perdana Menteri berkata sejarah manusia menunjukkan betapa tingginya nilai kebebasan, kemerdekaan dan maruah bangsa dan negara.

Di atas hakikat inilah sesuatu bangsa sanggup berkorban dan menggadai nyawa untuk menubuh kemerdekaan dan kehormatan tanahair, tambah beliau dalam kata-kata aluannya dalam buku cenderamata sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-26 hari Rabu ini.

Katanya, rakyat Malaysia harus bersyukur dapat merasai kemerdekaan menerusi meja persidangan dan perjuangan kemerdekaan tidak melibatkan peperangan dan pertumpahan darah.

"Tetapi ini tidak harus melalaikan kita daripada kenyataan bahawa kita harus sentiasa giat berusaha memelihara kedaulatan dan kehormatan kita kerana kemerdekaan tidak mungkin kekal kecuali dipertahankan," katanya.

Perdana Menteri menambah, setelah mencapai kemerdekaan tugas utama rakyat ialah menjamin bahawa negara ini yang merdeka dan berdaulat akan kekal sebagai sebuah negara yang bahagia dan aman makmur.

Aman makmur

Usaha ini hanya akan berjaya, jika rakyat bersama-sama berganding bahu berusaha ke arah kemajuan.

Bellau berharap tema perayaan Hari Kebangsaan kali ini 'Bersama ke arah kemajuan' membawa keinsafan kepada semua lapisan masyarakat tentang pentingnya dipupuk persefahaman dan bertindak secara bersepadu dalam memupuk masa depan yang cemerlang bagi generasi-generasi seterusnya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pusat Hari Kebangsaan, Datuk Sanusi Junid menyatakan bahawa tema sambutan Hari Kebangsaan yang berlandaskan konsep persyarikatan Malaysia diharapkan memupuk kerjasama antara sektor awam dan swasta dengan jayanya bagi mempertingkatkan kemampuan menuju ke arah kemakmuran yang lebih bermakna.

Perayaan tahun ini yang sederhana juga diharapkan dapat memperhitungkan sumbangas atau budi semua pihak dari waktu teretusnya semangat kebangsaan hingga sekarang supaya kekal abadi dalam kenangan.

Datuk Sanusi mengharapkan semoga budi jika dikenang dapat menjadi 'simen' yang menyatupadukan masyarakat dalam usaha bersama ke arah kemajuan. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5896
No. Penerimaan 213 / 86